

## SURAH SEMUT



Surah: 27 Juzuk: 19/20 Bil. Ayat: 93

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Taa, siin. Ini ialah ayat-ayat al-Quran, juga kitab yang nyata.
2. Menjadi hidayah dan berita gembira bagi orang yang beriman.
3. Iaitu mereka yang mendirikan sembahyang serta memberikan zakat dan mereka meyakini adanya hari akhirat.
4. Sesungguhnya orang yang tidak percayakan hari akhirat, Kami hiasi perbuatan-perbuatan buruk mereka supaya kelihatan baik kepada mereka. Maka tinggallah mereka meraba-raba dalam kesesatan.
5. Merekalah orang yang akan mendapat azab yang buruk (di dunia) dan pada hari akhirat mereka adalah orang yang paling rugi.
6. Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad) benar-benar menerima al-Quran dari sisi Allah yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.
7. Ketika Musa berkata kepada isterinya: «Sesungguhnya aku melihat api, aku akan bawakan

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

طَسَّ نَبَأَكَ ءَايَاتُ الْقُرْآنِ وَكِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿١﴾

هُدًى وَبُشْرَىٰ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ  
وَهُمْ بِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٣﴾

إِنَّ الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِالْآخِرَةِ زَيَّنَّا لَهُمْ  
أَعْمَالَهُمْ فَهُمْ يَعْمَهُونَ ﴿٤﴾

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ لَهُمْ سُوءُ الْعَذَابِ وَهُمْ فِي  
الْآخِرَةِ هُمُ الْآخَسَرُونَ ﴿٥﴾

وَإِنَّكَ لَتَلْقَىٰ الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنِّ حَكِيمٍ عَلِيمٍ ﴿٦﴾

إِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِأَهْلِيهِ ءَايَةٌ أَنْتَ نَارٌ آسَأْتِ بَكَ مِنْهَا  
يَخْرَجُ آوَاءُ آبِكَ بِشَيْهَابٍ قَبَسٍ لَعَلَّكُمْ تَصْطَلُونَ ﴿٧﴾

berita dari situ kepadamu, atau aku akan bawakan sepuntung api daripadanya supaya kamu dapat memanaskan diri».

8. Maka apabila dia sampai ke tempat api itu, dia telah diseru: «Keberkatan yang melimpah-ruah kepada orang yang berada dekat api ini dan sesiapa yang ada di sekelilingnya, Maha Suci Allah Tuhan semesta alam».
9. «Wahai Musa, sesungguhnya Akulah Allah yang Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana».
10. Campakkanlah tongkatmu. Maka apabila dia melihat tongkatnya itu bergerak tangkas, seperti seekor ular kecil, berpalinglah dia melarikan diri dan tidak menoleh lagi. (Lalu dia diseru): «Wahai Musa, janganlah takut, sesungguhnya para rasul tidak sepatutnya merasa takut semasa menghadapku (menerima wahyu)».
11. «Tetapi sesiapa yang melakukan kezaliman, kemudian dia mengubahnya dengan melakukan kebaikan selepas melakukan kesalahan, maka sesungguhnya Aku Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani».
12. «Masukkanlah tanganmu melalui belahan bajumu (ke ketiak), pasti keluarlah ia putih bersinar-sinar tanpa kecacatan. (Ini ialah) bersama sembilan mukjizat (yang

فَمَا جَاءَهَا نُودِي أَنْ بُورِكَ مِنْ فِي النَّارِ وَمَنْ حَوْلَهَا وَسُبْحَانَ اللَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٨﴾

يَمُوسَى إِنَّهُ أَنَا اللَّهُ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ ﴿٩﴾

وَأَلْقَى عَصَاهُ فَلَمَّا رَأَتْهَا نُهَزَّزَتْ كَأَنَّهُ جَانٌّ وَلَّى مُدْبِرًا وَرُبِعِفَبَّ يَمُوسَى لَا تَخَفْ إِنِّي لَا يَخَافُ لَدَى الْمَرْسُولِ ﴿١٠﴾

إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ثُمَّ بَدَّلَ حَسَنًا بَعْدَ سَوْءٍ فَأِنِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿١١﴾

وَأَدْخَلَ يَدَكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجُ بَيْضًا مِنْ غَيْرِ سَوْءٍ فِي تِسْعِ آيَاتٍ إِلَى فِرْعَوْنَ وَقَوْمِهِ إِنَّهُمْ كَانُوا قَوْمًا فَاسِقِينَ ﴿١٢﴾

membuktikan kebenaranmu), untuk dibawa kepada Firaun dan kaumnya, sesungguhnya mereka adalah kaum yang fasiq».

13. Maka ketika tanda-tanda mukjizat Kami yang jelas itu sampai kepada Firaun dan kaumnya, mereka berkata: «Ini adalah sihir yang nyata!»
14. Mereka mengingkarinya secara zalim dan angkuh sedang hati mereka meyakini kebenarannya. Maka perhatikanlah bagaimana kesudahan orang yang melakukan kerusakan.
15. Sesungguhnya kami telah mengurniakan ilmu pengetahuan kepada Daud dan Sulaiman. Mereka berdua bersyukur dengan berkata: «Segala puji bagi Allah yang memberi kami kelebihan mengatasi kebanyakan hamba-hambaNya yang beriman».
16. Dan Sulaiman mewarisi Daud<sup>(1)</sup>. (Setelah itu) Sulaiman berkata: «Wahai umat manusia, kami telah diajar mengerti bahasa pertuturan burung dan kami telah diberikan serba sedikit daripada setiap sesuatu (yang diperlukan), sesungguhnya semua ini adalah kurniaan (daripada Allah) yang nyata».

فَلَمَّا جَاءَ نُهُرَهُ آيَاتِنَا مُبْصِرَةً قَالُوا هَذَا  
سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١٣﴾

وَجَحَدُوا بِهَا وَاسْتَيْقَنَتْهَا أَنفُسُهُمْ ظُلْمًا  
وَعُلُوًّا فَأَنظَرْنَا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُفْسِدِينَ ﴿١٤﴾

وَلَقَدْ آتَيْنَا دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ عِلْمًا وَقَالَ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَنَا عَلَى كَثِيرٍ مِّنْ عِبَادِهِ  
الْمُؤْمِنِينَ ﴿١٥﴾

وَوَرِثَ سُلَيْمَانُ دَاوُدَ وَقَالَ يَا أَيُّهَا النَّاسُ  
عَلَّمْنَا مَنَاطِقَ الطَّيْرِ وَأَوْعَيْنَا مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِنَّ  
هَذَا لَهُوَ الْفَضْلُ الْمُبِينُ ﴿١٦﴾

1 Nabi Sulaiman a.s mewarisi kenabian dan kuasa pemerintahan nabi Daud a.s serta mewarisi ilmu pengetahuan dan kitab Zabur yang diturunkan kepada nabi Daud a.s.

17. Dihimpunkan bagi Sulaiman bala tenteranya daripada jin, manusia serta burung, lalu mereka diatur perjalanan masing-masing.
18. (Maralah angkatan itu) hingga apabila mereka sampai ke “Wadi an-Naml<sup>(1)</sup>”, seekor semut berkata: “Wahai seluruh semut, masuklah ke sarang kamu masing-masing agar Sulaiman dan tenteranya tidak memijak serta membinasakan kamu, sedangkan mereka tidak menyedari”.
19. Maka tersenyumlah Sulaiman mendengar kata-kata semut itu, lalu dia berdoa dengan berkata: «Wahai Tuhanku, ilhamkanlah aku supaya tetap mensyukuri nikmat yang Engkau kurniakan kepadaku dan kepada ibu bapaku, dan supaya aku tetap mengerjakan amal soleh yang Engkau redai, dan masukkanlah aku dalam golongan hamba-hambaMu yang soleh».
20. Kemudian Sulaiman memeriksa kumpulan burung (yang ikut serta dalam tenteranya) lalu berkata: «Mengapa aku tidak melihat Hud-hud<sup>(2)</sup>? Adakah ia daripada mereka yang tidak hadir?»
21. «Sesungguhnya aku akan menyeksanya dengan seksaan

وَحُشِرَ لِسُلَيْمَانَ جُنُودُهُ مِنَ الْجِنِّ  
وَإِنْسٍ وَأَطِيرٍ فَمَهُمْ يَوْمَئِذٍ

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِ النَّمْلِ قَالَتْ نَمَلَةٌ  
يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ لَا يَحْطِمَنَّكُمْ  
سُلَيْمَانُ وَجُنُودُهُ وَهُمْ لَا يَسْعُرُونَ

فَتَسَبَّحَ صَاحِبُكَ مِنْ قَوْلِهَا وَقَالَ رَبِّ أَوْزِعْنِي  
أَنْ أَشْكُرَ نِعْمَتِكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَيَّ وَعَلَىٰ  
وَالِدَيَّ وَأَنْ أَعْمَلَ صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأُدْخِلْنِي  
بِرَحْمَتِكَ فِي عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ

وَتَفَقَّدَ الطَّيْرَ فَقَالَ مَا لِيَ لَا أَرَى الْهُدْهُدَ  
أَمْ كَانَ مِنَ الْغَائِبِينَ

لَأُعَذِّبَنَّهُ وَعَذَابُ اللَّهِ شَدِيدٌ أَوْ لَأَذْبَحَنَّهُ  
أَوْ لِيَأْتِنِي بِسُلْطَانٍ مُّبِينٍ

1 lembah semut.

2 Hud-hud ialah sejenis burung belatuk.

yang paling dahsyat atau aku akan menyembelihnnya kecuali ia membawa kepadaku alasan yang jelas».

22. Hud-hud itu tidak hilang lama, beberapa ketika kemudian ia datang sambil berkata: «Aku telah mengetahui perkara yang tidak engkau ketahui. Aku datang kepadamu dari negeri Saba<sup>(1)</sup> dengan membawa berita yang diyakini kebenarannya».
23. «Sesungguhnya aku dapati seorang perempuan<sup>(2)</sup> memerintah mereka dan dia telah dianugerahkan semua perkara serta memiliki singgahsana yang hebat».
24. «Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadat menyembah Allah. Syaitan pula menghiasi perbuatan (syirik) mereka dan menghalang mereka daripada jalan (yang benar), maka mereka tidak mendapat hidayah».
25. (Mereka dihalangi syaitan) supaya tidak sujud menyembah Allah yang mengeluarkan benda yang tersembunyi di langit dan di bumi<sup>(3)</sup>, yang mengetahui apa yang kamu rahsiakan serta apa yang kamu zahirkan.

فَمَكَكَ عَيْرَ بَعِيدٍ فَقَالَ أَحَطْتُ بِمَا لَمْ  
تُحِطُ بِهِ وَجِئْتُكَ مِنْ سَبَإٍ بِنْتٍ إِقْيَمٍ ﴿٢٢﴾

إِنِّي وَجَدْتُ أَمْرًا تَمَلِكُهُمْ وَأُوتِيَتْ مِنْ  
كُلِّ شَيْءٍ وَلَهَا عَرْشٌ عَظِيمٌ ﴿٢٣﴾

وَجَدَتْهَا وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ  
مِنْ دُونِ اللَّهِ وَزَيْنُ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ  
فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾

أَلَا يَسْجُدُونَ لِلَّهِ الَّذِي يُخْرِجُ الْخَبْءَ فِي  
السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَيَعْلَمُ مَا تُخْفُونَ  
وَمَا تُعْلِنُونَ ﴿٢٥﴾

1 Sebuah kerajaan pada zaman dahulu, ibu kotanya Ma'rib terletak dekat kota San'a iaitu ibu kota Yaman sekarang.

2 Iaitu Ratu Balqis yang memerintah kerajaan Saba'iyah.

3 Seperti menurunkan hujan dari langit, menumbuhkan tumbuh-tumbuhan, mengeluarkan logam dari bumi dan sebagainya.

26. Allah! Tiada Tuhan melainkan Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy<sup>(1)</sup> yang agung.
27. Sulaiman berkata: «Kami akan lihat dahulu adakah benar apa yang engkau katakan itu, ataupun engkau daripada golongan yang berdusta».
28. «Pergilah bawakan suratku ini, campakkan kepada mereka kemudian berundurlah, lalu perhatikanlah apa tindak balas mereka».
29. (Setelah membaca surat itu), raja perempuan negeri Saba' berkata: «Wahai para pembesar! Sesungguhnya telah disampaikan kepadaku sepucuk surat yang mulia».
30. «Sesungguhnya surat itu daripada Sulaiman, dan kandungannya (seperti berikut): «Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani».
31. «Janganlah kamu meninggi diri terhadapku dan datanglah kamu kepadaku dengan menyerah diri (beriman kepada Allah)».
32. Raja perempuan itu berkata lagi: «Wahai ketua-ketua kaum, berilah pertimbangan kepadaku mengenai perkara yang aku hadapi ini, aku tidak pernah memutuskan sesuatu perkara sehingga kamu hadir memberi pendapat».

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ ﴿٣٦﴾

﴿٣٧﴾ قَالَ سَتَنْظُرُونَ أَصَدَقْتُمْ مِنَ الْكَذِبِينَ ﴿٣٧﴾

أَذْهَبَ بِكُلِّ مَلَكٍ هَذَا فَأَلْفَتْهُ الْبِهُمَةُ تَوَلَّ عَنْهُمْ فَأَنْظُرْ مَاذَا يَرْجِعُونَ ﴿٣٨﴾

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُؤِ إِلَى الْغَيْبِ إِنِّي لَكِ كَاتِبٌ كَرِيمٌ ﴿٣٩﴾

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٤٠﴾

أَلَا تَعْلَمُونَ أَنَّ الْمَلَأُؤِ وَأَتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٤١﴾

قَالَتْ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُؤِ أَفْتُونِي فِي أَمْرِي مَا كُنْتُ قَاطِعَةً أَمْرًا حَتَّى تَشْهَدُونِ ﴿٤٢﴾

1 Singgahsana Allah yang menggambarkan keagungan dan kebesarannya.

33. Mereka menjawab: «Kita mempunyai kekuatan dan keberanian yang luar biasa (untuk berperang), namun perkara itu terserahlah kepadamu, maka fikirkanlah apa yang engkau hendak perintahkan».
34. Raja perempuan itu berkata: «Sesungguhnya raja-raja apabila masuk ke sebuah negeri, mereka akan merosakkannya dan menjadikan penduduknya yang mulia menjadi hina, maka seperti itulah mereka akan lakukan».
35. «Aku akan hantarkan hadiah kepada mereka, kemudian aku akan menunggu, apakah balasan yang akan dibawa balik oleh utusan-utusan kita».
36. Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Sulaiman, Sulaiman berkata: «Tidak perlu kamu hadiahkan kepadaku harta-benda kerana apa yang telah dikurniakan Allah kepadaku lebih baik daripada apa yang telah diberikanNya kepada kamu. Namun kamu berbangga dengan hadiah kamu ini».
37. «Kembalilah kepada mereka, (jika mereka tidak juga mahu beriman) maka sesungguhnya Kami akan datang dengan angkatan tentera yang mereka tidak terdaya menentanginya. Kami akan mengeluarkan mereka dari negeri Saba' dalam keadaan hina sebagai orang tawanan».

قَالُوا نَحْنُ أَوْلَىٰ قُوَّةً وَأَوْلُوا بِآيِسِ شَدِيدٍ  
وَالْأَمْرُ إِلَيْكِ فَانظُرِي مَاذَا أَنَا مَعِينٌ ﴿٣٣﴾

قَالَتْ إِنَّ الْمُلُوكَ إِذَا دَخَلُوا قَرْيَةً أَفْسَدُوهَا وَجَعَلُوا  
أَعْيُنَ أَهْلِهَا آذَانًا وَكَذَلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٣٤﴾

وَإِنِّي مُرْسِلَةٌ إِلَيْهِمْ بِهَدِيَّةٍ فَنَاظِرَةٌ بِمَ يَرْجِعُ  
الْمُرْسَلُونَ ﴿٣٥﴾

فَلَمَّا جَاءَ سُلَيْمَانَ قَالَ أَتُمِدُّونَ بِمَالِ فِتْمَا  
ةَ اتْنِيبَةَ اللَّهِ خَيْرٌ مِّمَّا آتَاكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بِهَدِيَّتِكُمْ  
تَفْرَحُونَ ﴿٣٦﴾

أَرْجِعْ إِلَيْهِمْ فَلَنَأْتِيَنَّهُمْ بِجُنُودٍ لَّا قِيلَ لَهُمْ بِهَا  
وَلَنُخْرِجَنَّهُمْ مِنْهَا أَذِلَّةً وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٣٧﴾

38. Sulaiman berkata pula (kepada golongan bijak pandainya): «Wahai para pembesar, siapakah di antara kamu yang dapat membawa kepadaku singgahsananya sebelum mereka datang menghadapku dalam keadaan berserah diri (kepada Allah)?»
39. Ifrit daripada golongan jin berkata: «Aku akan membawakannya kepadamu sebelum engkau bangun dari tempat dudukmu. Sesungguhnya aku amat kuat untuk membawanya lagi dipercayai».
40. Berkata pula seorang yang mempunyai ilmu pengetahuan daripada kitab<sup>(1)</sup> Allah: «Aku akan membawakannya kepadamu dalam sekelip mata!» Setelah Sulaiman melihat singgahsana itu terletak di sisinya, dia berkata: «Ini ialah daripada kurniaan Tuhanku, untuk mengujiku adakah aku bersyukur atau aku kufur dengan nikmat pemberianNya. Sesiapa yang bersyukur maka faedah syukurnya itu hanyalah bagi dirinya sendiri, dan sesiapa yang kufur maka sesungguhnya Tuhanku Maha Kaya lagi Maha Pemurah».
41. Sulaiman berkata pula (kepada orangnya): «Ubahkanlah keadaan singgahsananya itu, kita lihat

قَالَ يَا أَيُّهَا الْمَلَأُوا أَيُّكُمْ يَأْتِينِي بِعَرْشِهَا قَبْلَ أَنْ يَأْتُونِي مُسْلِمِينَ ﴿٣٨﴾

قَالَ عِفْرِيتٌ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ تَقُومَ مِنْ مَقَامِكَ وَإِنِّي عَلَيْهِ لَقَوِيٌّ أَمِينٌ ﴿٣٩﴾

قَالَ الَّذِي عِنْدَهُ عِلْمٌ مِّنَ الْكِتَابِ أَنَا آتِيكَ بِهِ قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَّ إِلَيْكَ طَرْفُكَ فَلَمَّا رآه مُسْتَقِرًّا عِنْدَهُ قَالَ هَذَا مِن فَضْلِ رَبِّي لِيَبْلُوَنِي ؕ أَأَشْكُرُ أَمْ أَكْفُرُ وَمَن شَكَرَ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ ؕ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ رَبِّيَ عَنِّي كَرِيمٌ ﴿٤٠﴾

قَالَ نَكَّبُوا لَهَا عَرْشَهَا نَنظُرُ أَتَنْتَدِي أَمْ تَكُونُ مِنَ الَّذِينَ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٤١﴾

1 Kitab yang diturunkan sebelum nabi Sulaiman a.s iaitu kitab Taurat dan Zabur.



adakah dia dapat petunjuk dan dapat mengenalinya atau dia tidak dapat mengenalinya».

42. Maka ketika dia datang menghadap, Sulaiman bertanya kepadanya: «Adakah begini singgahsanamu?» Dia menjawab: «Seakan-akan inilah ia. Kami telah dikurniakan ilmu pengetahuan<sup>(1)</sup> sebelum berlakunya (mukjizat) ini dan kami adalah orang yang berserah diri (kepada Allah)».
43. Kebiasaannya menyembah selain daripada Allah telah menghalangnya (melahirkan keislamannya), sesungguhnya dia adalah daripada kaum yang kafir.
44. (Setelah itu) Dikatakan kepadanya: «Masuklah ke dalam istana ini». Maka ketika dia melihatnya, disangkanya halaman istana itu sebuah kolam air, lalu dia pun menyingsingkan pakaian ke atas dua betisnya. Sulaiman berkata: «Sebenarnya ini adalah sebuah istana yang diperbuat daripada kaca». Balqis lalu berkata: «Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku telah menzalimi diri sendiri dan (sekarang) aku berserah diri (memeluk Islam) bersama-sama Sulaiman kepada Allah Tuhan semesta alam».

فَلَمَّا جَاءَتْ قِيلَ أَهَكَذَا عَرَشُكَ قَالَتْ كَأَنَّهُ هُوَ  
وَأُوْتِينَا الْعِلْمَ مِنْ قَبْلِهَا وَكُنَّا مُسْلِمِينَ ﴿٤٢﴾

وَصَدَّهَا مَا كَانَتْ تَعْبُدُ مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنَّهَا كَانَتْ مِنْ  
قَوْمٍ كَافِرِينَ ﴿٤٣﴾

قِيلَ لَهَا ادْخُلِي الصَّرْحَ فَلَمَّا رَأَتْهُ حَسِبَتْهُ  
لُجَّةً وَكَشَفَتْ عَنْ سَاقَيْهَا قَالَ إِنَّهُ صَرْحٌ  
مُمَرَّدٌ مِنْ قَوَارِيرَ قَالَتْ رَبِّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي  
وَأَسْلَمْتُ مَعَ سُلَيْمَانَ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿٤٤﴾

1 iaitu pengetahuan mengenai kenabian nabi Sulaiman a.s.

45. Sesungguhnya Kami telah mengutus kepada kaum Thamud saudara mereka Soleh, (dia menyeru mereka dengan berkata): «Sembahlah Allah!» Maka tiba-tiba mereka menjadi dua puak (orang yang beriman dan kafir) yang bergaduh.
46. Soleh berkata: «Wahai kaumku, mengapa kamu terburu-buru melakukan kejahatan sebelum daripada kebaikan? Alangkah baiknya kalau kamu beristighfar kepada Allah semoga kamu dirahmati».
47. Mereka menjawab: «Kami ditimpa malang keranamu dan juga kerana pengikut-pengikutmu!» Soleh berkata: «Nasib kamu adalah di sisi Allah, sebenarnya kamu adalah kaum yang diuji».
48. Di bandar<sup>(1)</sup> (tempat tinggal kaum Thamud) itu ada sembilan orang yang hanya melakukan kerosakan di bumi dan tidak melakukan kebaikan.
49. Mereka berkata (sesama sendiri): «Bersumpahlah dengan nama Allah, sesungguhnya kita akan membunuh Soleh dan pengikut-pengikutnya secara mengejut pada waktu malam, kemudian kita akan berkata kepada warisnya bahawa kita tidak menyaksikan

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَى ثَمُودَ أَخَاهُمْ صَالِحًا أَنْ  
اعْبُدُوا اللَّهَ فَإِذَا هُمْ فَرِيقَانِ يَخْتَصِمُونَ ﴿٤٥﴾

قَالَ يَتْلُونَ لِيَ مَا تَشْتَعِلُونَ بِالسَّيِّئَةِ قَبْلَ  
الْحَسَنَةِ لَوْلَا تَسْتَغْفِرُونَ اللَّهَ لَعَدَّكُمْ  
تُرَحْمُونَ ﴿٤٦﴾

قَالُوا أَظَلَّ زَيْنَابُكَ وَبِمَنْ مَعَكَ قَالَ طَغَىٰ رَبُّكُمْ  
عِنْدَ اللَّهِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّفْتَنُونَ ﴿٤٧﴾

وَكَانَ فِي الْمَدِينَةِ تِسْعَةٌ رَهْطٍ  
يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿٤٨﴾

قَالُوا اتَّقَاسْمُوا بِاللَّهِ لَئِن بَيْنَتْهُ وَأَهْلَهُ وَسَّوْءٌ  
لِّتَقُولُنَّ لَوْلَا رَبُّنَا مَا شَهِدْنَا مَهْلِكِ أَهْلِهِ  
وَإِنَّا لَصَادِقُونَ ﴿٤٩﴾

1 Bandar itu ialah bandar kaum Thamud, iaitu kota al-Hijr.

pembunuhan pengikut-pengikutnya, dan sesungguhnya kami adalah berkata benar».

50. (Dengan demikian) mereka telah merancang rancangan jahat dan Kami pula rancangkan balasannya dengan seburuk-buruk balasan, sedangkan mereka tidak menyedarinya.
51. Maka perhatikanlah bagaimana akibat rancangan jahat mereka, iaitu Kami telah hancurkan mereka dan kaum mereka semuanya.
52. Kesudahannya rumah-rumah mereka itu telah runtuh ranap, dengan sebab mereka berlaku zalim, sesungguhnya kejadian itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mahu mengetahui.
53. Dan Kami selamatkan orang yang beriman serta orang yang selalu bertakwa.
54. Lut juga (Kami utuskan), (ingatlah) ketika dia berkata kepada kaumnya: «Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji<sup>(1)</sup> sedangkan kamu nampak (kekejian perbuatan tersebut)?
55. «Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki bukannya perempuan kerana memuaskan nafsu syahwat kamu. Bahkan kamu kaum yang jahil».

وَمَكَرُوا مَكَرًا وَمَكَرْنَا مَكَرًا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٥٠﴾

فَأَنْظِرْ كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ مُكْرِهِمْ أَنَا دَمَّرْنَا لَهُمْ وَقَوْمَهُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٥١﴾

فَتِلْكَ بُيُوتُهُمْ خَاوِيَةً بِمَا ظَلَمُوا إِنَّا فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥٢﴾

وَأَنْجَيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿٥٣﴾

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ إِنِّي أَنُوتُ  
الْفَلْحِشَةَ وَأَنْتُمْ تُبْصِرُونَ ﴿٥٤﴾

إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِنْ دُونِ  
النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّجْرِمُونَ ﴿٥٥﴾

1 Perbuatan seks luar tab'i (homoseksual).

56. Maka kaumnya tidak menjawab selain daripada berkata: «Usirlah Lut dan pengikut-pengikutnya dari bandar kamu ini, sesungguhnya mereka adalah orang yang mendakwa diri mereka suci bersih (daripada homoseksual)».
57. Lalu Kami selamatkan Lut dan keluarganya serta pengikut-pengikutnya, kecuali isterinya. Kami takdirkan dia menjadi daripada golongan yang tertinggal dalam azab.
58. Dan Kami hujani mereka dengan hujan yang membinasakan, maka amat buruk hujan azab yang menimpa orang yang telah diberi peringatan.
59. Katakanlah (wahai Muhammad): «Segala puji bagi Allah dan selamat sejahtera kepada hamba-hambaNya yang dipilihNya. Manakah yang lebih baik? Allah atau benda-benda yang mereka jadikan sekutu-sekutu bagiNya?»
60. Bahkan siapakah yang telah mencipta langit dan bumi dan menurunkan hujan dari langit bagi kamu? Lalu Kami tumbuhkan dengan air hujan itu tanaman kebun-kebun (yang subur menghijau) dengan indahnyanya, yang kamu tidak dapat dan tidak berkuasa menumbuhkan pohon-pohonnya.

﴿فَمَا كَانَ جَوَابَ قَوْمِهِ إِلَّا أَنْ قَالُوا  
أَخْرِجُوا آلَ لُوطٍ مِنْ قَرْيَتِكُمْ إِنَّهُمْ أَنْاسٌ  
يَتَطَهَّرُونَ ﴿٥٦﴾﴾

﴿فَأَنْجَيْنَاهُ وَأَهْلَهُ إِذْ آلَا أَمْرَاتِهِ وَقَدْ رَأَى  
مِنْ الْعَذَابِ ﴿٥٧﴾﴾

﴿وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا فَسَاءَ مَطَرُ  
الْمُنذَرِينَ ﴿٥٨﴾﴾

﴿قُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَسَلَامٌ عَلَى عِبَادِهِ الَّذِينَ  
أَصْطَفَيْنَا اللَّهُ خَيْرًا مِمَّا يُشْرِكُونَ ﴿٥٩﴾﴾

﴿أَمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ لَكُمْ  
مِنْ السَّمَاءِ مَاءً فَأَنْبَتْنَا بِهِ حَدَائِقَ ذَاتَ  
بَهْجَةٍ مَّا كَانَ لَكُمْ أَنْ تُنْبِتُوا  
شَجَرَهَا آيَةٌ لِلَّهِ مَعَ اللَّهِ بَلْ هُمْ قَوْمٌ  
يَعْدِلُونَ ﴿٦٠﴾﴾

Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Bahkan mereka adalah kaum yang menyeleweng daripada kebenaran (tauhid).

61. Atau siapakah yang telah menjadikan bumi tempat untuk menetap dan telah menjadikan sungai-sungai di antara bahagian-bahagiannya dan telah menjadikan baginya gunung-ganang untuk mengukuhkannya, dan juga telah menjadikan di antara dua laut<sup>(1)</sup> sekatan (semula jadi) yang memisahkannya? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui.
62. Atau siapakah yang memperkenankan doa orang yang menderita apabila dia berdoa kepadaNya, dan yang menghapuskan kesusahan (malapetaka), serta menjadikan kamu khalifah-khalifah di muka bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Amat sedikit di antara kamu yang mengambil pengajaran.
63. Atau siapakah yang menunjukkan jalan kepada kamu dalam kegelapan daratan dan lautan, dan yang mengutus angin sebagai pembawa berita yang

أَمْ نَجْعَلُ الْأَرْضَ قَرَارًا وَجَعَلْ خَلْقَهَا  
أَنْهَارًا وَجَعَلْ لَهَا رَوَاسِيَ وَجَعَلْ بَيْنَ  
الْبَحْرَيْنِ حَاجِزًا ۗ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْوَّابِلِ  
كَثْرَتُهُمْ لَا يَعْمُرُونَ ﴿٦١﴾

أَمْ نَجِيبُ الْمُضْطَرَّ إِذَا دَعَاهُ وَكَشِفُ  
السُّوءِ وَجَعَلْكُمْ خُلَفَاءَ الْأَرْضِ ۗ  
إِنَّ اللَّهَ مَعَ الَّذِينَ قَالُوا مَا نَدْعُرُكُمْ ﴿٦٢﴾

أَمْ يَهْدِيكُمْ فِي ظُلُمَاتِ اللَّيْلِ وَالْبَحْرِ  
وَمَنْ يُرْسِلُ الرِّيْحَ بُشْرًا بَيْنَ يَدَيْ  
رَحْمَتِهِ ۗ إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى اللَّهُ عَمَّا  
يُشْرِكُونَ ﴿٦٣﴾

1 Dua laut di sini ialah laut yang masin dan sungai besar yang bermuara ke laut. Sungai yang tawar itu setelah sampai di muara, tidak langsung menjadi masin.

menggembirakan sebelum kedatangan rahmatNya<sup>(1)</sup>? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Maha Tinggi Allah daripada apa yang mereka sekutukan denganNya.

64. Atau siapakah yang memulakan kejadian seluruh makhluk, kemudian dia mengembalikannya (hidup semula selepas matinya). Dan siapakah yang memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi? Adakah sebarang tuhan yang lain bersama-sama Allah? Katakanlah (wahai Muhammad): «Bawalah keterangan-keterangan kamu, jika kamu adalah orang yang benar».
65. Katakanlah: «Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib melainkan Allah!» Dan tiadalah mereka menyedari bilakah masing-masing akan dibangkitkan hidup semula.
66. Bahkan mereka (yang kafir) telah berkali-kali mengetahui tentang hari akhirat, bahkan mereka merasa syak dengannya, bahkan mata hati mereka buta langsung daripada memikirkannya.
67. Orang yang kafir berkata: «Adakah selepas kami dan juga nenek moyang kami menjadi tanah, maka kami semua akan dikeluarkan dari kubur?»

أَمَّنْ يَبْدَأُ الْخَلْقَ ثُمَّ يُعِيدُهُ وَوَمَنْ يَرْزُقُكُمْ مِنَ  
السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَوْلَهُ مَعَ اللَّهِ قُلْ هَاتُوا  
بُرْهَانَكُمْ إِن كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٦٤﴾

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا  
اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

بَلْ أَدْرَاكَ عِلْمُهُمْ فِي الْآخِرَةِ بَلْ هُمْ فِي شَكٍّ  
مِنْهَا بَلْ هُمْ وَتَهَا عَمُونَ ﴿٦٦﴾

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا إِنْ دَأْبُ كُنَّا نُرَبِّا  
وَأَبَاؤُنَا إِنَّا لَمُحْرَجُونَ ﴿٦٧﴾

1 iaitu air hujan.

68. «Sesungguhnya, kami telah dijanjikan dengan perkara ini, kami dan juga nenek moyang kami dahulu, ini hanyalah cerita-cerita dongeng orang dahulu kala».
69. Katakanlah (wahai Muhammad): «Mengembaralah kamu di muka bumi, kemudian perhatikanlah bagaimana buruknya kesudahan orang yang berdosa itu».
70. Janganlah engkau bersedih hati terhadap (keingkaran) mereka, dan janganlah engkau resah-gelisah disebabkan tipu daya yang mereka lakukan.
71. Mereka bertanya: «Bilakah berlakunya azab yang telah dijanjikan itu, jika kamu adalah orang yang benar?»
72. Katakanlah (wahai Muhammad): «Barangkali tidak lama lagi akan datang kepada kamu sebahagian daripada azab yang kamu minta disegerakan itu<sup>(1)</sup>».
73. Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) sentiasa melimpah-ruah kurniaanNya kepada umat manusia seluruhnya tetapi kebanyakan mereka tidak bersyukur.
74. Sesungguhnya Tuhanmu sedia mengetahui apa yang terpendam

لَقَدْ وَعَدْنَا هَذَا نَحْنُ وَآبَاؤُنَا مِنْ قَبْلُ إِنْ هَذَا إِلَّا أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ ﴿٦٨﴾

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الْمُجْرِمِينَ ﴿٦٩﴾

وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُنْ فِي ضَيْقٍ مِمَّا يَمْكُرُونَ ﴿٧٠﴾

وَيَقُولُونَ مَتَى هَذَا الْوَعْدُ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٧١﴾

قُلْ عَسَى أَنْ يَكُونَ رَدِفٌ لَكُمْ بَعْضُ الَّذِي تَسْتَعْجِلُونَ ﴿٧٢﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٧٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَيَعْلَمُ مَا تُكِنُّ صُدُورُهُمْ وَمَا يُعْلِنُونَ ﴿٧٤﴾

1 Ahli tafsir mentafsirkan bahawa azab yang akan segera mereka alami itu ialah kekalahan mereka pada peperangan Badar.

dalam hati mereka dan apa yang mereka nyatakan (dengan tutur kata dan perbuatan).

75. Tiada sesuatu perkara yang ghaib di langit dan di bumi, melainkan tertulis dalam kitab<sup>(1)</sup> yang nyata.
76. Sesungguhnya al-Quran ini menceritakan kepada bani Israel mengenai kebanyakan perkara yang mereka bertelingkah mengenainya.
77. Sesungguhnya al-Quran itu adalah hidayah dan rahmat bagi orang yang beriman.
78. Sesungguhnya Tuhanmu (wahai Muhammad) akan memutuskan di antara mereka dengan hukumNya, dan Dialah sahaja yang Maha Perkasa lagi Maha Mengetahui.
79. Maka berserahlah kepada Allah, sesungguhnya engkau berada di atas kebenaran (agama Islam) yang nyata.
80. Sesungguhnya engkau tidak dapat menjadikan orang yang mati (sesat) itu mendengar ajaranmu, dan tidak dapat menjadikan orang yang pekak itu mendengar seruanmu, apabila mereka berundur ke belakang kerana menolak ajaranmu.
81. Engkau tidak akan dapat memberi hidayah kepada orang yang buta supaya menjauhi kesesatan

وَمَا مِنْ غَائِبَةٍ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ ﴿٧٥﴾

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَنْصُوعُ عَلَى بَنِي إِسْرَائِيلَ أَكْثَرَ الَّذِي هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ ﴿٧٦﴾

وَأَنَّهُ هُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ ﴿٧٧﴾

إِنَّ رَبَّكَ يَقْضِي بَيْنَهُمْ بِحُكْمِهِ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَلِيمُ ﴿٧٨﴾

فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّكَ عَلَى الْحَقِّ الْمُبِينِ ﴿٧٩﴾

إِنَّكَ لَا تَسْمَعُ الْمَوْتَى وَلَا تَسْمَعُ الصُّمَّ الدُّعَاءَ إِذَا وَلُوا مَدْبِرِينَ ﴿٨٠﴾

وَمَا آتَتْ يَهْدِي الْعُمْيَ عَنْ صَلَاتِهِمْ إِن تَسْمَعُ إِلَّا مَنْ يُؤْمِنُ بِآيَاتِنَا فَهُمْ مُسْمِعُونَ ﴿٨١﴾

1 Lauh Mahfuz.



mereka. Engkau tidak dapat memperdengarkan (seruanmu itu) melainkan kepada orang yang sanggup beriman dengan ayat-ayat Kami, kerana mereka orang yang berserah diri dengan ikhlas.

82. Apabila sampai masa berlakunya hukuman atas manusia, Kami keluarkan sejenis binatang<sup>(1)</sup> dari bumi yang akan menyatakan kepada mereka bahawa manusia telah tidak meyakini ayat-ayat dan pengajaran Kami.
83. (Ingatlah) hari Kami himpulkan daripada setiap umat sekumpulan besar orang yang mendustakan ayat-ayat Kami, lalu mereka dijaga serta diatur keadaan dan perjalanan masing-masing.
84. Sehingga apabila mereka datang (ke tempat pengadilan), Allah Taala berfirman: «Adakah kamu mendustakan ayat-ayatKu tanpa terlebih dahulu kamu mengetahuinya secara menyeluruh? Atau apakah yang telah kamu lakukan?»
85. Maka jatuhlah hukuman ke atas mereka disebabkan kezaliman mereka, lalu mereka diam membisu.
86. Tidakkah mereka memerhatikan bahawa Kami telah menjadikan malam bagi mereka berehat padanya, dan menjadikan siang

﴿وَإِذَا وَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ أَخْرَجْنَا لَهُمْ دَابَّةً مِّنَ الْأَرْضِ تُكَلِّمُهُمْ أَنَّ النَّاسَ كَاؤِبُونَ ﴿٨٢﴾﴾

﴿وَيَوْمَ نَحْشُرُ مِنْ كُلِّ أُمَّةٍ فَوْجًا مَّمَّنْ يُكَذِّبُ وَيَايْتِنَا فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿٨٣﴾﴾

﴿حَتَّىٰ إِذَا جَاءَهُ وَقَالَ آكُذِّبْتُمْ بِمَا لِي وَإِنَّمَا كُنْتُ لَكُم بَاطِلًا مِّنْكُمْ أَلَمْ يَأْتِكُمْ سُلَيْمَانُ بِآيَاتِنَا وَلَمْ يُكَلِّمَهُمُ اللَّهُ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ ﴿٨٤﴾﴾

﴿وَوَقَعَ الْقَوْلُ عَلَيْهِمْ بِمَا ظَلَمُوا فَهُمْ لَّا يَبْطِقُونَ ﴿٨٥﴾﴾

﴿أَلَمْ يَرَوْا أَنَّا جَعَلْنَا اللَّيْلَ لَيْسًا لِّكُنُوفِهِمْ وَالنَّهَارَ مَبْصُرًا إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ ﴿٨٦﴾﴾

1 Sejenis binatang melata dari bumi yang merupakan salah satu tanda-tanda kemusnahan alam.

terang-benderang? Sesungguhnya semua itu mengandung tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.

87. (Ingatkanlah) hari di tiup sangkakala, lalu terkejutlah makhluk-makhluk yang ada di langit dan di bumi, kecuali mereka yang dikehendaki Allah. Kesemuanya akan datang kepadaNya dengan patuh.
88. Engkau melihat gunung-ganang, engkau menyangkanya tetap tidak bergerak, padahal ia bergerak seperti Bergeraknya awan, (demikianlah) perbuatan Allah yang telah membuat setiap sesuatu dengan sebaik-baiknya, sesungguhnya Dia Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.
89. Sesiapa yang datang membawa amalan kebaikan maka dia akan mendapat balasan yang lebih baik daripadanya, dan mereka akan mendapat keamanan daripada kejadian-kejadian yang mengerikan pada hari kiamat itu.
90. Dan sesiapa yang datang membawa amal jahat maka sudah pasti mereka akan disungkurkan wajahnya ke dalam api neraka, (sambil dikatakan kepada mereka): «Kamu tidak diberi melainkan balasan apa yang kamu telah lakukan».

وَيَوْمَ يُفْخِخُ فِي الصُّورِ فَنَرَعَمَنَ فِي السَّمَوَاتِ  
وَمَنَ فِي الْأَرْضِ إِلَّا مَن شَاءَ اللَّهُ وَكُلُّ  
أَنفُوهَ دَاخِرِينَ ﴿٨٧﴾

وَتَرَى الْجِبَالَ تَحْسَبُهَا جَامِدَةً وَهِيَ تَمُرُّ مَرَّ  
السَّحَابِ صُغِعَ اللَّهُ الَّذِي أَنْتَقَنَ كُلَّ شَيْءٍ  
إِنَّهُ وَخَّيْبٌ بِمَا تَفْعَلُونَ ﴿٨٨﴾

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ وَخَيْرٌ مِمَّا أُوحِيَتْ لَهُ مِنْ فَزَعٍ  
يَوْمَئِذٍ آمِنُونَ ﴿٨٩﴾

وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَكَلَبَتْ وُجُوهُهُمْ فِي النَّارِ  
هَلْ تُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٩٠﴾

91. (Katakanlah wahai Muhammad):  
«Aku hanya diperintahkan supaya menyembah Allah Tuhan negeri (Makkah) ini yang telah menjadikannya suci lagi dihormati dan yang menguasai segala-galanya, dan aku diperintahkan supaya tetap menjadi orang Islam».
92. «Dan supaya aku sentiasa membaca al-Quran». Maka sesiapa yang mendapat hidayah, maka (faedah) hidayah itu kembali kepada dirinya sendiri. Dan sesiapa yang sesat, maka katakanlah kepadanya:  
«Sesungguhnya aku hanyalah seorang pemberi peringatan».
93. Katakanlah (wahai Muhammad):  
«Segala puji bagi Allah, Dia akan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaannya supaya kamu dapat mengetahuinya, dan Tuhanmu tidak lalai terhadap segala apa yang kamu lakukan».

إِنَّمَا أُمِرْتُ أَنْ أَعْبُدَ رَبَّ هَذِهِ الْبَلَدِ  
الَّذِي حَرَّمَهَا وَلَهُ كُلُّ شَيْءٍ وَأُمِرْتُ أَنْ أَكُونَ  
مِنَ الْمُسْلِمِينَ ﴿٩١﴾

وَأَنْ أَتْلُو الْقُرْآنَ فَمَنِ اهْتَدَىٰ فَإِنَّمَا  
يَهْتَدِي لِنَفْسِهِ وَمَنْ ضَلَّ فَقُلْ إِنَّمَا أَنَا مِنَ  
الْمُنذِرِينَ ﴿٩٢﴾

وَقُلِ الْحَمْدُ لِلَّهِ سِيرِكُمْ وَأَيْتِهِ فَتَعْرِفُونَهَا  
وَمَا رَبُّكَ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٩٣﴾

